

U B578 DEB

MAHATHIR-DUTA  
(1)

1984

KUALA LUMPUR, 12 NOV. (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI HARI INI MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU TELAH DIBERITAHUTENTANGKEPUTUSANDATUK MOHAMED RAHMAT HENDAK BERHENTI DARIPADA KABINET DAN SEBAGAI DUTA BESAR KE INDONESIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DATUK MOHAMED TELAH MENEMUI BELIAU PADA 10 OKT. UNTUK MENERANGKAN HASRATNYA HENDAK MELETAKKAN JAWATAN DARI KABINET AWAL TAHUN DEPAN DAN JUGASEBAGAI DUTA BESAR AKHIR BULAN INI.

+BELIAU TELAH MEMBAYANGKAN KEPADA SAYA BAHAWA BELIAU MAHU BERHENTI DARIPADA KEDUA-DUA JAWATAN ITU KERANA BELIAU TELAH PUN BERTAHUN-TAHUN BERKHIDMAT DALAM KERAJAAN, + KATA PERDANA MENTERI DI PANGKALAN TUDM SEKEMBALINYA DARIPADA LAWATAN DUA HARI KE MALDIVES.

DATUK MOHAMED RAHMAT SEMALAM MENGUMUMKAN PERLETAKAN JAWATANNYA DALAM KABINET AKAN BERKUATKUASA PADA 7 JAN. DEPAN DAN TUGASNYA SEBAGAI DUTA BESAR TAMAT PADA 30 NOV. INI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU AKAN TERUS MENJADI ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN PULAI, ANGGOTA JAWATAN KUASA PERHUBUNGAN UMNO JOHOR (AN KETUA UMNO BAHAGIAN PULAI).

-- BERNAMA.

1957MST 12 1184